

112
SOALAN NO : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH :
SOALAN : 43

YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terakhir seperti berikut :-

- a) jumlah pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis di Malaysia; dan
- b) sebab-sebab berlaku penyakit buah pinggang di Malaysia dan peratus pesakit bagi setiap sebab dan anggaran kos rawatan bagi seorang pesakit buah pinggang yang memerlukan dialisis bagi satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Data *Malaysian Dialysis and Transplant Registry 2015* menunjukkan bahawa pada tahun 2015 terdapat 37,183 orang pesakit yang menjalani rawatan dialisis di negara ini. Daripada jumlah ini, terdapat 33,456 orang pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis dan 3,727 orang pesakit yang menjalani *Chronic Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)*.

Punca utama pesakit buah pinggang adalah penyakit diabetes mellitus (61%), darah tinggi (18%), punca yang tidak diketahui(15%), glomerulonephritis (3%), obstructive nephropathy (1%) dan lain-lain (2%). Anggaran kos rawatan hemodialisis bagi seorang pesakit adalah RM17,000 setahun dan rawatan CAPD RM25,000 setahun.